

TARIKH	31 / 7 / 2015	SEKSYEN	Negara
MUKA SURAT	19	RUANGAN	

## 40,000 umat Islam Sarawak tunggu giliran tunai haji

**KUCHING** - Seramai 40,000 umat Islam di negeri ini masih menunggu giliran untuk menunaikan ibadah haji ke tanah suci Mekah.

Menteri Muda di Pejabat Ketua Menteri (Hal Ehwal Islam), Datuk Daud Abdul

Rahman berkata, daripada senarai menunggu itu hanya 600 orang bernasib baik apabila dipilih untuk menunaikan rukun Islam kelima itu setiap tahun.

Katanya, walaupun senarai menunggu ramai namun,

jumlah jemaah negeri ini yang dapat menunaikan ibadah tersebut masih kurang kerana Sarawak kekal dengan kuota 600 jemaah setakat ini.

"Saya sudah meminta pertambahan kuota jemaah haji bagi Sarawak tetapi belum

ada perkembangan positif sehingga kini," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap ketika merasmikan Kursus Program Khas Haji Perdana Menteri Malaysia Tahun 2015 bahagian Kuching dan Samarahan di sini

semalam.

Daud berkata, pihaknya menganggarkan 40,000 umat Islam yang mendaftar menunaikan haji mungkin terpaksa menunggu sehingga 30 tahun lagi untuk mendapat peluang menunaikan ibadah tersebut.